

# 'Tiada didikan agama'

**Kuala Lumpur:** "Itulah puncanya apabila anak-anak tidak dididik dengan nilai-nilai masyarakat di usia muda sehingga semuanya menggunakan logik akal termasuk menjual gambar bogel yang tidak dianggap maruah."

Demikian menurut pakar sosial Prof Datuk Dr Mohammad Shatar Sabran mengenai tindakan gadis menjual gambar bogel melalui media sosial asalkan mendapat bayaran top up (tambah nilai).

Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) Universiti Putra Malaysia (UPM) itu itu berkata, trend sebegini susah dikenali apabila sudah berlaku kerana remaja berkenaan tidak mendapat didikan asas pada usia kanak-kanak.

"Apabila norma masyarakat termasuk didikan



### LAPORAN Harian Metro semalam.

agama tiada, mereka menggunakan hukum logik akal untuk menghalalkan apa yang bertentangan dengan adat ketimuran.

"Logik akal ber maksud mereka akan kata, tindakan itu tidak berdosa kerana tidak bersentuhan malah ada yang lebih berani akan menjawab tidak boleh menyebabkan kehamilan kerana tidak

bersentuhan," katanya ketika dihubungi Metro Ahad di sini, semalam.

Beliau mengulas laporan muka hadapan Harian Metro semalam mengenai gadis berusia 23 tahun menawarkan ratusan gambar bogelnya kepada sesiapa saja yang sedia membayar kredit prabayar telefon bimbitnya.

Kebiasaannya, gadis berkenaan hanya menerima kredit prabayar RM30, RM50 dan RM100 untuk 15, 25 dan 50 keping gambarnya beraksi ghai-rah termasuk berbogel.

Mengulas lanjut, Dr Mohammad Shatar berkata, sukar untuk ibu bapa mengawal perbuatan anak-anak mereka sekiranya terjebak kerana remaja berkenaan licik dan pandai menyembunyikan kegiatan berkenaan.

"Mungkin apa yang boleh kita harapkan ialah lelaki hidung belang menghentikan perbuatan top-up untuk mendapatkan gambar gadis berkenaan demi masa depan diri dan keluarganya," kata-nya.

### FAKTA

Tidak boleh guna logik akal untuk halalkan dosa